

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Utusan Biz / Front Page
Date	Mon, 16th Oct 2017	Lead Article	Yes
Headline	Bajet 2018 : Kesejahteraan Bumiputera Jadi Tumpuan		

Bajet 2018: Kesejahteraan bumiputera jadi tumpuan

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 OKT.

UNIT Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) berharap aspirasi bagi meningkatkan kesejahteraan bumiputera akan terus menjadi tumpuan utama dalam pembentangan Bajet 2018.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, agenda bumiputera merupakan komponen utama kepada keseluruhan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa komited dalam memperkasa agenda bumiputera termasuk mengadakan sesi khas dan beberapa mesyuarat rasmi bagi membincangkan perkara berkenaan sempena bajet akan datang.

Jelas beliau, antara cadangan utama yang telah dikemukakan Teraju termasuklah kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dalam menghadapi perubahan era dan industri pada masa hadapan seperti revolusi industri 4.0 (Industri 4.0).

TERAJU
PENERAJU BUMIPUTERA

“Isu mengenai pekerjaan sering menjadi perkara utama yang dibangkitkan terutamanya bagaimana kita mampu menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan menerusi pelbagai program dan bagaimana pula program berkenaan memberi impak besar terhadap mewujudkan peluang kepada masyarakat.

“Selain itu, kos sara hidup yang memberi kesan terhadap banyak perkara termasuk penggunaan dan hutang isi rumah serta keupayaan meningkatkan harta turut menjadi tumpuan kami dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Bajet 2018 bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 27 Oktober ini.

Mengulas lanjut, Husni berkata, pendekatan yang diambil kerajaan dalam melaksanakan agenda bumiputera ketika ini dilihat amat kon-



Pelbagai program, insentif dan polisi yang dilakukan kerajaan bagi merubah landskap bumiputera sekali gus memberi lebih impak kepada seluruh kehidupan masyarakat.”

HUSNI SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Teraju

sisten dalam usaha memperkasa golongan tersebut.

Ujarnya, pelbagai program, insentif dan polisi yang dilakukan adalah sejajar dengan hasrat kerajaan bagi merubah landskap bumiputera sekali gus memberi lebih impak

kepada seluruh kehidupan masyarakat.

Beliau berkata, pihaknya juga telah mencadangkan beberapa insentif dalam Bajet 2018 kepada syarikat bumiputera bagi menarik lebih banyak pelaburan sekali gus menyumbang kepada ekonomi dan menghasilkan kesan limpahan kepada komuniti setempat.

“Kita tidak mahu syarikat-syarikat ini sekadar berpuas hati dengan

jek kecil dalam komuniti atau dalam negara sahaja. Oleh itu, pelbagai latihan dan pendedahan kepada pasaran global harus dilaksanakan dengan lebih meluas supaya mereka mampu meneroka sendiri pasaran dan mewujudkan bakat-bakat baharu.

“Selain itu, kami juga mahu membantu syarikat kecil untuk mengembangkan perniagaan mereka kerana 90 peratus daripada entiti perniagaan yang diusahakan bumiputera adalah berskala kecil atau mikro,” ujar beliau.

Kos sara hidup dan hutang isi rumah serta keupayaan meningkatkan harta turut menjadi tumpuan



Agenda bumiputera komponen utama pembangunan ekonomi dan sosial negara

Cadangan Bajet 2018 dikemukakan Teraju

Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan

Insentif kepada syarikat bumiputera